


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah
Volume 22 No. 1 (2026)
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Abdul Mukti And His Methodological Approach in Mir'at Al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam Al-Tajwid**
- Author (s) : Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Norhasnira Ibrahim, Muhammad Arif Musa, Khairul Anuar Mohamad, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.563>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 28, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Norhasnira Ibrahim, Muhammad Arif Musa, Khairul Anuar Mohamad, Mohd Zohdi Mohd Amin, & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2026). Abdul Mukti Dan Metodologi Dalam Kitab Mir'at Al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam Al-Tajwid: Abdul Mukti And His Methodological Approach in Mir'at Al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam Al-Tajwid. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 665–687. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.563>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest.

Abdul Mukti Dan Metodologi Dalam Kitab Mir'at Al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam Al-Tajwid

Abdul Mukti And His Methodological Approach in Mir'at Al-Qur'an Fi Tashil Ma'rifah Ahkam Al-Tajwid

Abdulloh Salaeh
Amran Abdul Halim
Norhasnira Ibrahim
Muhammad Arif Musa
Khairul Anuar Mohamad
Mohd Zohdi Mohd Amin
Syed Najihuddin Syed Hassan*
Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Ilmu tajwid merupakan asas fundamental dalam memastikan setiap kalimah al-Quran dilantunkan dengan makhraj dan sifat yang betul, sekali gus memelihara ketulenan wahyu sebagaimana yang diwarisi secara mutawatir daripada Rasulullah SAW. Di Alam Melayu, tradisi keilmuan ini telah diperkasakan oleh para ulama tempatan melalui penghasilan karya ilmiah yang menjadi jambatan antara teks Arab klasik dengan pemahaman masyarakat setempat. Salah seorang tokoh pelopor yang signifikan dalam bidang ini ialah Syeikh Abdul Mukti bin Syeikh Mohammad Soleh al-Kelantani. Beliau merupakan pengarang kitab *Mir'at al-Qur'an fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid* (1779M), yang diiktiraf sebagai antara karya tajwid terawal dalam bahasa Melayu di rantau ini. Makalah ini bertujuan untuk menelusuri sumbangan intelektual Syeikh Abdul Mukti dengan memfokuskan kepada metodologi penyusunan dan pendekatan pedagogi yang digunakan dalam karya tersebut. Penelitian ini secara khusus menganalisis aspek sistematika penulisan 12 bab utama, penggunaan dalil naqli, serta penerapan kaedah tajwid yang bersifat praktikal. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks dan filologi terhadap manuskrip asal, kajian ini meneliti struktur kandungan, gaya persembahan visual seperti penggunaan rubrikasi (dakwat merah), serta hujah ilmiah yang dikemukakan. Hasil kajian

*Correspondence concerning this article should be addressed to Syed Najihuddin Syed Hassan, Universiti Sains Islam Malaysia at syednajihuddin@usim.edu.my

mendapati bahawa Syeikh Abdul Mukti berjaya mengintegrasikan pendekatan tradisional talaqqi dan musyafahah dengan struktur penulisan yang sistematik dan mudah difahami oleh masyarakat awam. Keunikan karya ini terletak pada kemampuannya mempermudah istilah teknikal Arab ke dalam bahasa Melayu klasik, menjadikannya khazanah keilmuan yang bernilai tinggi dalam sejarah pendidikan Islam di Nusantara. Kajian ini juga mencadangkan agar teks ini diangkat melalui teknologi kontemporari seperti kecerdasan buatan (AI) bagi melestarikan warisan tajwid ulama Melayu dalam mendepani arus digital.

Kata Kunci: Mir'āt al-Aḥkām, ilmu tajwid, Syeikh Abdul Mukti, metodologi, manuskrip Melayu

Abstract

The science of tajwīd serves as a fundamental discipline to ensure that every Quranic verse is recited with the correct makhraj (articulation points) and ṣifāt (characteristics), thereby preserving the authenticity of the revelation as inherited through the mutawātir tradition from Prophet Muhammad (Peace Be Upon Him). In the Malay world, this scholarly tradition has been empowered by local ulama through the production of intellectual works that act as a bridge between classical Arabic texts and the understanding of the local community. One significant pioneering figure in this field is Shaykh Abdul Mukti bin Shaykh Mohammad Soleh al-Kelantani. He is the author of the *Mir'āt al-Qur'ān fī Tashīl Ma'rifah Aḥkām al-Tajwīd* (1779M), which is recognized as one of the earliest tajwīd works written in the Malay language in this region. This paper aims to explore the intellectual contributions of Shaykh Abdul Mukti by focusing on the methodology of composition and the pedagogical approaches employed in the work. Specifically, this study analyzes the systematic structure of the twelve main chapters, the use of naqlī (scriptural) evidence, and the application of practical tajwīd rules. Utilizing a qualitative approach based on textual and philological analysis of the original manuscript, this study examines the content structure, visual presentation styles, such as the use of rubrication (red ink), and the scholarly arguments presented. The findings reveal that Shaykh Abdul Mukti successfully integrated traditional talaqqī and musyafahah (face-to-face learning) approaches with a systematic structure that is easily accessible to the general public. The uniqueness of this work lies in its ability to simplify complex Arabic technical terms into classical Malay,

establishing it as a highly valuable scholarly heritage in the history of Islamic education in the Nusantara. This study further suggests that the text be elevated through contemporary technologies, such as Artificial Intelligence (AI), to preserve the tajwīd heritage of Malay scholars in the digital era.

Keywords: Mir'āt al-Aḥkām, tajwīd, Shaykh Abdul Mukti, methodology, Malay manuscript.

1. PENDAHULUAN

Para ulama Alam Melayu memainkan peranan penting dalam menyebarkan serta memajukan syiar Islam di rantau ini. Sumbangan besar mereka dalam pelbagai disiplin ilmu seperti tafsir, hadis, fiqh, tasawuf, dan tajwid diiktiraf sebagai tunjang utama pembentukan tamadun Melayu-Islam. Antaranya ialah ilmu tajwid yang menjadi asas yang sangat penting bagi setiap individu yang ingin membaca al-Quran dengan betul. Malah, para ulama menegaskan bahawa hukum memelihara aturan tajwid semasa pembacaan adalah wajib bagi setiap Muslim bagi memastikan keaslian makna dan sebutan ayat suci terpelihara. Dan firman Allah SWT

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً¹

Maksudnya:

“Dan Bacalah al-Quran Dengan Tartil.”

Imam Al-Mawardi menjelaskan bahawa maksud tartil dalam bacaan al-Quran ialah seseorang membaca al-Quran menurut susunan dan tertib yang telah ditetapkan, dengan memelihara lafaz serta urutan ayatnya tanpa mengubah perkataan, mendahulukan yang terkemudian atau mengkemudiankan yang terdahulu. Istilah *tartil* ini diambil daripada ungkapan *tartil al-asnān*, iaitu susunan gigi yang tumbuh secara teratur, seimbang dan indah susunannya. Demikianlah juga bacaan al-Quran, ia hendaklah dibaca dengan teratur, jelas, tenang dan sempurna mengikut kaedah yang betul². Manakala Al-Khazin pula menjelaskan bahawa lafaz “wa rattil al-Qur’āna tartilā” merupakan suatu penegasan daripada Allah SWT agar al-Quran dibaca

¹ Surat Al-Muzzammil, Ayat 4.

² Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad al-Mawardi, t.t. Al-Nukat wa al-‘Uyun, Taḥqīq: al-Sayyid bin ‘Abd al-Maqṣūd bin ‘Abd al-Raḥīm, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah – Bayrūt, Lubnān, juz 6, hlm 126.

secara tartil dengan sebaik-baiknya. Ini menunjukkan bahawa setiap pembaca al-Quran wajib memelihara kaedah bacaan yang betul, jelas dan teratur ketika membaca al-Quran, serta tidak boleh mengabaikan aspek tajwid dan tertib bacaan¹.

Berdasarkan huraian tersebut, dapat disimpulkan bahawa Imam Al-Mawardi dan Al-Khazin menegaskan bahawa membaca al-Quran secara tartil merupakan suatu kewajipan yang menuntut ketertiban, kejelasan, serta kepatuhan mutlak terhadap hukum tajwid tanpa mengubah urutan ayat. Istilah tartil yang merujuk kepada susunan yang teratur dan indah ini menuntut setiap pembaca agar tidak sekadar membaca secara reka-reka atau mengikut logik sendiri, sebaliknya wajib mempelajari kaedah bacaan yang betul dan tepat. Oleh itu, setiap individu perlu berusaha berguru secara rasmi melalui kaedah talaqqi bagi mendapatkan ijazah dan bimbingan yang sah demi memelihara kesucian serta keaslian kalam Allah SWT.

Dalam matan Al-Jazariyah

وَالْأَخْذُ بِالتَّجْوِيدِ حَتْمٌ لَّازِمٌ مَنْ لَمْ يُجَوِّدِ الْقُرْآنَ آتَمٌ

Ertinya :

Ilmu tajwid² itu penting bagi orang yang nak membaca al-Quran bahkan wajib. Siapa yang tidak memperelokkan al-Quran ketika membacanya maka dia berdosa³.

Berdasarkan petikan matan Jazariyyah ini dapat dirumuskan bahawa penguasaan ilmu tajwid dalam pembacaan Al-Quran merupakan suatu kewajipan yang bersifat syarie. Secara umumnya, hukum mempelajari teori ilmu tajwid dikategorikan sebagai fardu kifayah bagi sesebuah komuniti. Walau bagaimanapun, aspek iltizam (pematuhan) terhadap kaedah tajwid ketika membaca Al-Quran adalah fardu ain ke atas setiap individu Muslim (mukallaf). Hal ini bertujuan bagi memastikan

¹ Alauddin Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi, 1979. Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil, Dār al-Fikr – Bayrūt, juz 7, hlm 165.

² Makna pada istilah ialah : Memberi hak kepada huruf dalam menyebutnya dengan cara yang terbaik, dan peraturan yang timbul daripadanya, dan mengeluarkan setiap huruf dari titik artikulasi yang betul, dan juga meningkatkan suara dalam bacaan jika boleh. Maḥmūd bin Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im bin ‘Abd al-Salām bin Muḥammad al-‘Abd, (2001). Al-Raudah al-Nadiyyah Syarḥ Matn al-Jazariyyah, al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, al-Qāhirah – Jumhūriyyah Miṣr al-‘Arabiyya, juz 1, hlm 45

³ Maḥmūd bin Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im bin ‘Abd al-Salām , Ibid. al-Syeikh: Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥusaynī al-Syahīr bi al-Ḥaddād, t.t. Al-Qawl al-Sadīd fī Bayān Ḥukm al-Tajwīd, juz 1, hlm 1.

kesucian wahyu terpelihara daripada sebarang kesilapan sebutan (lahn) yang boleh menjejaskan makna atau kualiti bacaan.

Situasi yang paling membimbangkan pada masa kini adalah cabaran besar yang dihadapi oleh para pendidik dalam usaha mendidik generasi muda agar mampu membaca al-Quran dengan jelas, fasih, dan betul. Fenomena ini turut ditegaskan dalam kajian ilmiah yang menyatakan bahawa pada zaman moden ini, semangat pelajar khususnya dalam mendalami bacaan al-Quran berada pada tahap yang amat mendukacitakan. Majoriti pelajar lebih cenderung meluangkan masa dengan membaca pesanan ringkas (SMS) atau hanyut dalam keasyikan media sosial berbanding meluangkan waktu untuk menatap kalam Allah. Hakikatnya, minat terhadap bacaan al-Quran semakin pudar dalam kalangan remaja hari ini, yang jika dibiarkan, bakal melahirkan generasi yang buta al-Quran.

Kepentingan ilmu tajwid tidak boleh dipandang remeh kerana ia berperanan kritikal dalam menjaga kualiti sebutan huruf, ketepatan makhraj, dan pemeliharaan hukum bacaan bagi mengelakkan berlakunya perubahan makna yang drastik. Para ulama secara konsisten menegaskan bahawa membaca al-Quran tanpa mematuhi kaedah tajwid yang betul merupakan satu kesalahan besar yang boleh merosakkan maksud asal ayat suci tersebut. Di sinilah letaknya peranan kepakaran dan keilmuan para ulama yang memberikan impak signifikan terhadap pembentukan pemikiran, sistem nilai, serta identiti umat Islam.

Apabila masyarakat berada dalam kegelisan mencari hala tuju kehidupan, ulama tampil sebagai pemimpin rohani yang memberikan pedoman berteraskan wahyu. Di tengah kejahilan yang melanda, mereka berfungsi sebagai murabbi yang membimbing umat ke arah cahaya kebenaran serta pencerahan akidah dan akhlak. Justeru, ulama bukan sekadar pewaris ilmu, malah merupakan agen transformasi sosial yang menyumbang kepada kestabilan dan pembangunan negara bangsa. Al-Quran, sebagai kitab suci dan sumber hidayah, mengandungi khazanah ilmu yang sentiasa relevan sepanjang zaman. Daripada mukjizat inilah lahirnya para ulama yang mahir dalam pelbagai disiplin, termasuklah ilmu tajwid sebagai cabang utama dalam pemeliharaan al-Quran.

Antara ulama alam Melayu yang disegani dalam bidang Ilmu Tajwid termasuklah Syeikh Abdullah al-Sanquri, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani, dan Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Kelantani.

Keunggulan tradisi ini diteruskan oleh tokoh-tokoh seperti Syeikh Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim, Syeikh Dato' Haji Ismail Yusof, dan Syeikh Haji Ismail Mahmud. Kepakaran mereka dalam memelihara ketepatan bacaan al-Quran telah memberikan sumbangan yang amat bermakna terhadap khazanah pendidikan Islam di negara ini¹.

Selain itu, seorang ulama dari Kelantan, iaitu Syeikh Abdul Mukti bin Syeikh Mohammad Soleh al-Kelantani, telah menghasilkan sebuah karya berjudul *Mira'tul al-Quran fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid*. Kitab ini diiktiraf sebagai karya tajwid yang terawal ditulis di alam Melayu² dan disiapkan sekitar tahun 1779M/1193H³.

1.1 BIOGRAFI

Syeikh Abdul Mukti bin Syeikh Muhammad Saleh merupakan susuk ulama yang sangat signifikan dalam sejarah perkembangan ilmu tajwid di Alam Melayu, meskipun butiran peribadinya masih dicari dan dikaji dek kerana kurang catatan sejarah yang dijumpai oleh pengkaji. Nama penuh beliau, sebagaimana yang tercatat dalam pelbagai naskhah manuskrip, ialah al-Faqir al-Muhtaj ila Allah al-Majid Sheikh 'Abdul Mu'ti bin Sheikh Muhammad Saleh. Gelaran "al-Faqir" dan "al-Muhtaj" yang bermaksud "hamba yang fakir dan memerlukan Allah" mencerminkan nilai tawaduk dan ketinggian spiritual yang lazim diamalkan oleh para ulama klasik dalam tradisi penulisan kitab turath. Menurut analisis sarjana pengkaji sejarah persuratan Melayu⁴, identiti sebenar beliau masih menimbulkan tanda tanya dalam kalangan sejarawan. Beliau menyatakan bahawa terdapat kekaburan mengenai komponen nama "Ibnu" dalam rujukan nama beliau. Persoalan timbul sama ada "Ibnu" itu merupakan sebahagian daripada nama rasmi beliau atau sekadar indikator nasab yang merujuk kepada kedudukan beliau sebagai "anak" kepada Syeikh Abdul Mukti. Hampir semua salinan manuskrip yang ditemui menggunakan pengenalan Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti Ibnu Syeikh

¹ Shahrudin Saad, Mohd Fairus A. Adi & Mohd Safee Salihin Hasan (2017). *Tokoh-Tokoh Ulama Tajwid di Malaysia dan Sumbangan Mereka terhadap Pendidikan al-Quran*, dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*, jld. 1. Hlm 45.

² Shahrudin bin Saad, (2019), data-data penulisan kitab tajwid lama di Kelantan, *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019*, hlm 253.

³ Mohd. Shaghir Abdullah, (2011). *Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti -- Penyusun Ilmu Tajwid pertama Bahasa Melayu*, <https://kitab-kuneng.blogspot.com/>.

⁴ Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2011), *Ibid*.

Muhammad Salih, yang memberikan gambaran tentang silsilah intelektual yang bersambung daripada ayah ke anak. Pencapaian paling monumental beliau ialah usaha menyusun kitab ilmu tajwid pertama dalam bahasa Melayu, sebagaimana yang telah diterangkan di atas¹.

Sebelum kewujudan karya beliau, kebanyakan rujukan tajwid adalah dalam bahasa Arab yang sukar diakses oleh masyarakat awam di Nusantara. Oleh itu, beliau dianggap sebagai perintis yang memulakan era membumikan ilmu tajwid melalui kitab *Mir'at al-Qur'an*. Walaupun sumbangan intelektualnya besar, maklumat biografi yang tepat mengenai tarikh lahir, tarikh wafat, mahupun silsilah keturunan yang lengkap masih gagal dikesan secara konklusif. Namun begitu, berdasarkan bukti dalaman pada manuskrip tersebut, terdapat nisbah "al-Kalantani" yang mengiringi nama beliau. Indikasi ini memberikan petunjuk kuat bahawa beliau kemungkinan besar berasal atau mempunyai kaitan darah dengan negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, pada masa ini, segala maklumat mengenai latar belakang keluarga dan perjalanan hidup beliau masih lagi terbatas kepada catatan ringkas yang terdapat dalam kolofon atau mukadimah manuskrip-manuskrip tinggalannya, yang menuntut kajian filologi lebih mendalam di masa hadapan.

1.2 PENDIDIKAN DAN GURU

Peranan Pattani Dalam Jaringan Keilmuan Ulama Nusantara Dan Transmisi Ilmu Tajwid.

Sejarah perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu pada abad ke-18 masihi telah memperlihatkan satu pola transmisi ilmu yang sistematik dan dinamik. Berdasarkan sorotan biografi tokoh yang dikaji, beliau memulakan langkah menuntut ilmu melalui institusi kekeluargaan sebelum berhijrah ke Pattani. Pada fasa tersebut, Pattani telah pun mengukuhkan kedudukannya sebagai pusat keilmuan Islam yang paling dominan di rantau Nusantara, berfungsi sebagai "serambi" atau terminal ilmu sebelum para penuntut melanjutkan pengajian ke tanah suci Makkah². Posisinya bukan sekadar pusat pengajian tempatan, malah bertindak sebagai medan persediaan bagi mendalami khazanah turath yang lebih kompleks.

¹ Ibid.

² Ismail Che Daud, (2015), Pusat Pengajian Pondok di Alam Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, juz. 1, hlm. 45.

Signifikan Pattani sebagai pusat intelektual terbukti apabila tokoh ini dikatakan hidup sezaman dan berada dalam jaringan keilmuan yang sama dengan tokoh-tokoh besar seperti Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari¹. Hubungan intelektual ini diperkuat lagi melalui pendedahan bahawa mereka pernah menimba ilmu di bawah bimbingan Syeikh Abdul Rahman al-Mubin Pauh Bok pada abad ke-18, seorang tokoh ulama berwibawa di Pattani². Kehadiran tokoh-tokoh ini dalam satu garis masa dan lokasi yang sama mencerminkan wujudnya satu "kosmopolitanisme ilmu" di Pattani yang mempersiapkan mereka sebelum berhijrah ke Timur Tengah³.

Kajian mendalam terhadap teks Mir'at al-Qur'an turut memperkukuhkan bukti bahawa beliau mempunyai hubungan akademik dengan Syeikh Daud al-Fatani, seorang ulama prolific yang sangat berpengaruh. Menariknya, penemuan catatan dalam manuskrip koleksi Muzium Kesenian Islam Malaysia memberikan petunjuk penting mengenai rantaian sanad ilmu tajwid beliau. Ungkapan "...dan daripada tajwid yang telah diajarkan oleh Syeikh kita 'Abd al-Ra'uf Aceh..." memberikan indikasi kuat bahawa Syeikh Abdul Ra'uf al-Singkili merupakan salah seorang guru utama dalam rantaian sanad tersebut. Kesenambungan tradisi ini terus terpelihara melalui usaha penyalinan manuskrip oleh tokoh-tokoh terkemudian, seperti yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Mahmud bin Muhammad Yusof pada tahun 1848, yang sekali gus membuktikan kestabilan tradisi pengajian tajwid di rantau ini merentas kurun.

Analisis Bibliografi dan Silabus Ilmu Tajwid dalam Kitab Mir'at al-Qur'an

Kitab Mir'at al-Qur'an fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid li Malik al-Wahhab merupakan sebuah manuskrip fundamental dalam tradisi persuratan Islam di Alam Melayu yang memfokuskan kepada disiplin ilmu tajwid⁴. Keberadaan naskhah ini dikesan melalui beberapa pusat

¹ Wan Mohd Shaghir Abdullah, (1990), Syeikh Abdus Samad al-Falimbani: Ulama Syahid dan Mujahid, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, juz. 1, hlm. 22-24. Azra, A., (2004), The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia, Hawaii: University of Hawaii Press, hlm. 112

² Matheson, V. dan Hooker, V., (1988), Jawi Literature in the 19th Century, Kuala Lumpur: Oxford University Press, juz. 2, hlm. 89.

³ Harun Mat Piah, (2000), Kitab Tib: Amalan Perubatan Melayu Tradisional, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 56.

⁴ Shamsuddin Sidek, (2018), Khazanah Manuskrip Tajwid Alam Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, juz. 1, hlm. 12-15

dokumentasi penting seperti Pusat Kebangsaan Manuskrip di Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Kesenian Islam Malaysia, serta koleksi peribadi penyelidik¹. Dari sudut epistemologi, teks ini menawarkan perbincangan komprehensif yang merangkumi hukum nun sakinah, teori mad dan qasr, serta analisis mendalam mengenai makhraj dan sifat huruf. Selain aspek teknikal sebutan, kitab ini turut mengintegrasikan dimensi etika melalui perbincangan adab tilawah, selain menyentuh ringkasan ilmu qira'at dan 'Ulum al-Qur'an. Kelengkapan ini membuktikan peranannya sebagai rujukan autoritatif dalam pemantapan kualiti bacaan al-Quran dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional².


Analisis Fizikal dan Kelompangan Manuskrip

Keadaan fizikal manuskrip ini menunjukkan tahap kelestarian yang tidak tekal akibat kerosakan material yang signifikan. Berdasarkan penelitian kodikologi, naskhah bertarikh 1778 (Kod: 87) dikategorikan sebagai manuskrip lengkap dan berada dalam keadaan baik dengan jumlah keseluruhan 74 halaman. Sebaliknya, naskhah dengan kod rujukan 482 bagi tahun yang sama hanya mempunyai fragmentasi sebanyak 11 halaman. Kerosakan kronik pada naskhah tersebut mengakibatkan kehilangan teks yang besar, sekali gus menjadikannya sebuah manuskrip yang tidak lengkap. Perbezaan ketara dalam aspek preservasi ini mencerminkan cabaran dalam usaha pendokumentasian semula khazanah persuratan tersebut secara menyeluruh³. Ketidakeleengkapan ini menjadi cabaran besar kepada para pengkaji untuk melakukan analisis tekstual secara holistik, memandangkan banyak bahagian penting dalam perbincangan hukum tajwid tersebut berkemungkinan besar telah hilang atau terpisah daripada naskhah induknya. Oleh itu, usaha perbandingan antara naskhah amat diperlukan bagi membina semula struktur asal teks tersebut agar kesinambungan ilmu yang disampaikan dapat difahami dengan lebih jelas.

¹ Ahmad Fauzi, (2020), Katalog Manuskrip Melayu: Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur: PNM Press, juz. 2, hlm. 45.

² Manuskrip Mirat al-Quran fi Tashil Marifah Ahkam al-Tajwid

³ Shahrudin Saad, Zainora Daud, (2015), Syekh 'Abd Al-Mu'ti Bin Syekh Muhammad Saleh Pengarang Kitab Tajwid Pertama Di Alam Melayu, 2nd International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015), hlm 5.



Gambar 1 : Manuskrip Mirat al-Quran fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid

Kitab ini mengintegrasikan rujukan daripada beberapa karya Arab autoritatif, termasuklah Tuhfah al-Talibin fi al-Tajwid dan Sharh al-Muqaddimah oleh Zakariya al-Ansari. Selain itu, teks ini turut memanfaatkan Turjuman al-Mustafid karangan Abdul Ra'uf al-Singkili. Penjajaran sumber ini membuktikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam dalam memperkukuh wacana penulisan manuskrip tersebut secara sistematik.

2.0 PERKAITAN DENGAN KAJIAN KONTEMPORARI

Kajian terkini menekankan kepentingan instrumen sahih bagi mengukur penguasaan tajwid di institusi pendidikan¹. Program komuniti al-Qur'an turut terbukti meningkatkan keberkesanan pengajaran secara kolektif. Selain itu, integrasi teknologi seperti deep neural network (DNN) dalam menilai ketepatan bacaan menjadi bukti evolusi pedagogi moden. Perkembangan ini memperlihatkan sinergi antara kaedah tradisional dengan inovasi digital bagi memperkukuh kualiti pembelajaran al-Qur'an secara sistematik dalam mendepani cabaran pendidikan masa kini².

¹ Zahari et al., (2025), Pembangunan Instrumen Tajwid, Kuala Lumpur. Jilid 1, hlm. 45.


² Shaiakhmetov et al., (2025) Aplikasi Deep Neural Network dalam Pengajian Quran, Jakarta. hlm 89.

3.0 METODOLOGI ATAU PENDEKATAN PENULISAN

3.1 Jadual: Isi Kandungan Kitab


BIL	TAJUK	KETERANGAN
1.	Muqaddimah	
2.	Bab Al-Isti'azah	
3.	Bab Al-Basmalah	
4.	Bab Lam Al-Ta'rif	
5.	Bab Ahkam Al-Nun Al-Sakinah Wa Al-Tanwin	
6.	Bab Al-Mad Wa Al-Qasr	
7.	Bab Makharij Al-Huruf Wa Sifatuha	
8.	Bab Al-Qaqf	
9.	Bab Hamz Al-Wasl	
10.	Adab Mengaji Al-Quran	
11.	Bab Takbir Ketika Khatam Al-Quran	
12.	Khatimah	

Isi Kandungan Kitab



Secara keseluruhannya, isi kandungan kitab ini disusun secara sistematik mengikut tradisi penulisan ilmu tajwid klasik yang komprehensif. Struktur teks dimulakan dengan bahagian Muqaddimah, diikuti perbincangan asas mengenai Bab Al-Isti'azah, Al-Basmalah, dan hukum Lam Al-Ta'rif. Inti pati perbincangan seterusnya memfokuskan kepada aspek teknikal bacaan yang merangkumi Ahkam Al-Nun Al-Sakinah Wa Al-Tanwin, Bab Al-Mad Wa Al-Qasr, serta perincian mendalam mengenai Makharij Al-Huruf Wa Sifatuha. Selain itu, penulis turut menyelitkan panduan praktikal seperti Bab Al-Waqf, Hamz Al-Wasl, adab tilawah al-Quran, serta tatacara takbir ketika khatam al-Quran. Kesenambungan silabus ini diakhiri dengan bahagian Khatimah, sekali gus memperlihatkan autoriti pengarang dalam menyusun metodologi pengajian al-Quran secara tuntas.

3.2 CONTOH MANUSKRIP YANG TELAH DIKARANG



Gambar 2 : Contoh manuskrip yang telah dikarang

بسم الله الرحمن الرحيم

كلامي¹ دغن نام الله جو² اكو مباح كتاب تجويد اين اي جو توهن يڄ امت
 موره ددالم نكري دنيا اين لاک³ امت مغهسهاني اکن سکل⁴ همباش يڄ مؤمن
 ددالم نكري اخره الحمد لله الذي انزل على عبده الكتاب هدي للمتقين المسمى
 بالقران سکل فوج فچين ايت بک الله يڄ منورنکندي اي اتس همباش محمد صلی
 الله عليه وسلم کتاب يڄ منجکن جالن يڄ بتل بک سکل اورغيغ تاکوة اکندي
 يڄ برنام قرآن ووقع الجمع تلاوته مع تجويد کما تلاه سيد الكل المختارين العرب

¹ نسخه اصل دتوليس (کلامي) تتاقي اي دباچ (کومولواي)
² نسخه اصل دتوليس (جو) تتاقي اي دباچ (جوا)
³ نسخه اصل دتوليس (لاک) تتاقي اي دباچ (لاک)
⁴ نسخه اصل دتوليس (سکل) تتاقي اي دباچ (سکل)

والعدنان كمدین مك دكرنياكن فنوجوق¹ سكلین مریكئت فد مباح دي سره دغن
 مبايك كن بك² بچان سره يغب تله دباح اكندي اوله فغھول كيت سكلین يغب دغه
 ايت درفد سكل اعرب دان درفد سكل انق² ججو عدنان وهو سيدنا وقد وتنا
 الى الله تعالى محمد ابن عبد الله الذي به سلامتنا من احوال موافق اخر الايام
 والازمان دان يائت فغھول دان ايكونت كيت درفد الله جو محمد انق عبد الله
 يغب دغندي بهو سجهترا اكن كيت درفد هارو هارا تمفت برھنت فد اخر سكل
 هاري دان ماس فضل الله وسلم عليه وعلى اله وصحبه اجمعين ما دامت الدهور
 والادوان توهنكو نكرها كيراث رحمة دان سجهتر اتسش دان اتس سكل كلواركان
 دان صحبتن سكلينث سلما²ن ككل تاهنث³ دان كنيكا وبعد فلما كان هجرة النبوة
 علي صاحبها فضل الصلاة والسلام مائه وثلاثة وتسعون بعد الالف اداون
 كمدین درفد ايت مك تتكال هجرة النبي صلى الله عليه وسلم الخ سراتس سميلن
 فوله تيك كمدین سريب قد القصد مني نص بعض الابلال من اصحابي ان ابي
 تجويد مترجما بلسان الجاوي بهوسن تله متاء فد اكو سورخ صحبة كو يغب بسر²
 فد مغمفمكن سوات كتاب فد ميتاكن علم تجويد مترجممكن درفد بهاس عراب
 كغد بهسا جاوي لينفع به من لا يفهم لسان العرب سفاي براوله منفعة دغن

3.3 BERIKUT ADALAH TRANSLITERASI TEKS JAWI TERSEBUT KE BAHASA MELAYU RUMI:

Bismillahirrahmanirrahim

Kumula'i⁴ dengan nama Allah jua⁵ aku membaca kitab tajwid ini. Ia jua Tuhan yang amat murah di dalam negeri dunia ini lagi⁶ amat mengasihani akan segala⁷ hamba-Nya yang mukmin di dalam negeri akhirat. Alhamdulillah al-ladzi anzala 'ala 'abdihi al-kitab huda lil

¹ نسخة اصل دتولس (فنجق)

² نسخه اصل دتوليس (بك) تتاقي اي دباچ (بک)

³ نسخه اصل دتوليس (تاهن) تتاقي اي دباچ (تاهون)

⁴ Naskhah asal ditulis (كملاي) tetapi dibaca (Kumula'i/Kumulai).

⁵ Naskhah asal ditulis (جو) tetapi dibaca (Jua).

⁶ Naskhah asal ditulis (لاک) tetapi dibaca (Lagi).

⁷ Naskhah asal ditulis (سکل) tetapi dibaca (Segala).

muttaqin al-musamma bi al-Quran. Segala puji-pujian itu bagi Allah yang menurunkan dia (kitab) itu atas hamba-Nya Muhammad SAW, kitab yang menunjukkan jalan yang betul bagi segala orang yang takut akan Dia yang bernama al-Quran. Wa waqa'a al-jam'u tilawatuhu ma'a tajwid kama talahu sayyid al-kulli al-mukhtar al-Arab wa al-Adnan. Kemudian maka dikurniakan penunjuk¹ sekalian mereka itu pada membaca dia serta dengan membaikkannya bagi² bacaan serta yang telah dibaca akan dia oleh penghulu kita sekalian yang dipilih itu daripada segala Arab dan daripada segala anak-cucu Adnan. Wa huwa sayyiduna wa qudwatuna ila Allah Ta'ala Muhammad ibn Abdillah al-ladzi bihi salamatus min ahwal mawaqif akhir al-ayyam wa al-azman. Dan iaitu penghulu dan ikutan kita daripada Allah jua, Muhammad anak Abdullah, yang dengannya bahawa sejahtera akan kita daripada huru-hara tempat berhenti pada akhir segala hari dan masa. Fadhallahu wa sallama 'alayhi wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in ma damati al-duhur wa al-adwan. Tuhanku anugerah kiranya rahmat dan sejahtera atasnya dan atas segala keluarganya dan sahabatnya sekaliannya selama-lamanya kekal tahunnya³ dan ketika. Wa ba'du fa lamma kana hijrah al-nubuwwah 'ala sahibih fadhlu al-sholah wa al-salam mi'ah wa thalathah wa tis'un ba'da al-alf. Adapun kemudian daripada itu, maka tatkala hijrah Nabi SAW [dan seterusnya] seratus sembilan puluh tiga kemudian seribu (1193H), qad al-qasdu minni nassa ba'du al-ajilla' min ashabi an ubiya tajwid mutarjaman bi lisan al-Jawi. Bahawasanya telah meminta pada aku seorang sahabatku yang besar-besar pada menghimpunkan suatu kitab pada menyatakan ilmu tajwid, diterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Jawi. Li yanfa'a bihi man la yafham lisan al-Arab. Supaya beroleh manfaat dengan...

3.4 ANALISIS MANUSKRIP MIR'AT AL-QUR'AN FI TASHIL MA'RIFAH AHKAM AL-TAJWID

Manuskrip yang dikaji ini berjudul *Mir'at al-Qur'an fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid*. Sebagai sebuah karya literatur Islam klasik yang memfokuskan kepada disiplin ilmu tajwid, naskhah ini berfungsi sebagai panduan praktikal bagi pencinta al-Quran. Kandungan utamanya dibahagikan secara sistematik kepada 12 tajuk utama yang menghuraikan pelbagai hukum bacaan. Matlamat utama pengarang adalah untuk memastikan setiap pembaca dapat menguasai kaedah

¹ Naskhah asal ditulis (فنجق) – berkemungkinan bermaksud penunjuk.

² Naskhah asal ditulis (بک) tetapi dibaca (Bagi).

³ Naskhah asal ditulis (تاهن) tetapi dibaca (Tahun).

bacaan yang tepat dan fasih, selari dengan tuntutan syarak dalam memelihara kesucian kalamullah.

Aspek Fizikal dan Ketelitian Penulisan

Dari sudut bibliografi dan teknikal penulisan, manuskrip ini mempamerkan disiplin seni khat yang sangat tinggi. Secara purata, setiap halaman disusun dengan 21 baris, menunjukkan penggunaan ruang yang optimum dan konsisten. Sebagai ilustrasi kepada kepadatan teksnya, analisis pada halaman tertentu menunjukkan kepelbagaian jumlah perkataan dalam setiap baris:

Baris pertama: 15 perkataan

Baris kedua: 16 perkataan

Baris ketiga: 11 perkataan

Baris keempat: 14 perkataan

Baris kelima: 15 perkataan

Baris keenam: 12 perkataan¹

Pola penulisan yang dinamik namun teratur ini mencerminkan kekemasan, ketelitian, serta kesabaran pengarang dalam menghasilkan naskhah manual yang berkualiti tinggi.

Metodologi dan Tradisi Keilmuan

Manuskrip ini dimulakan dengan lafaz basmalah sebagai tanda keberkatan, diikuti dengan untaian hadis-hadis Nabawi yang menyentuh tentang kelebihan membaca al-Quran. Satu aspek kritikal yang ditekankan oleh pengarang ialah kepentingan metodologi Talaqqi dan Musyafahah. Beliau menegaskan bahawa ilmu tajwid tidak boleh dipelajari secara bersendirian atau sekadar melalui pembacaan buku. Sebaliknya, ia mestilah diambil secara langsung daripada guru yang mempunyai sanad dan ijazah yang sah.

Prinsip ini bersandarkan kepada tradisi periwayatan agung di mana Rasulullah SAW sendiri menerima wahyu melalui bimbingan Malaikat Jibril AS, manakala Jibril pula mengambilnya daripada al-Lawh al-Mahfuz. Justeru, keaslian bacaan al-Quran sentiasa terpelihara melalui rantaian guru yang bersambung sehingga ke sumber asalnya.

4.0 Analisis Estetika, Fungsi Pedagogi, dan Karakteristik Paleografi dalam Manuskrip *Mir'at al-Qur'an*

¹ Maklumat tersebut boleh didapati dalam manuskrip pada bahagian awal buku satu hingga enam, Abdul Mukti bin Syeikh Muhammad Saleh, (1779), *Mir'at al-Qur'an fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid*,

Manuskrip *Mir'at al-Qur'an* karya Sheikh 'Abdul Mu'ti bin Sheikh Muhammad Saleh (1779) merupakan sebuah dokumen intelek yang mempamerkan kecemerlangan tradisi penulisan ilmu tajwid klasik. Salah satu aspek yang paling menonjol dalam manuskrip ini ialah penggunaan estetika warna yang berfungsi sebagai alat pedagogi strategik. Pengarang mengaplikasikan skema dwivarna yang sistematik untuk memudahkan proses pembelajaran. Dakwat hitam digunakan secara konsisten bagi penulisan teks utama (nas) dan huraian umum, manakala dakwat merah berfungsi sebagai penanda wacana bagi tajuk-tajuk kecil, contoh hukum bacaan, petikan ayat al-Quran, nukilan kalam ulama, serta nota peringatan kritikal.

Penggunaan dwivarna ini bukan sekadar elemen dekoratif, malah merupakan instrumen didaktik yang efektif untuk membantu pembaca membezakan antara struktur hujah primer dengan elemen sokongan. Strategi visual ini membolehkan rujukan pantas dilakukan, yang secara langsung mencerminkan kearifan pengarang dalam menyusun kandungan ilmiah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada zamannya. Selain itu, aspek ketelitian teks turut diperkukuh melalui proses *sama'* (semakan audio-visual) dan *tashih* (pembetulan). Sekiranya berlaku kesilapan dalam penulisan, pengarang akan melakukan pembetulan di margin halaman dengan isyarat tertentu, sekali gus menjamin integriti teks ilmu tajwid tersebut.

Walau bagaimanapun, dari perspektif paleografi dan filologi, manuskrip ini menghadirkan cabaran kognitif yang signifikan bagi pembaca moden. Gaya penulisannya memerlukan kepakaran khusus dalam bidang ilmu *qiraat* dan bahasa Jawi lama. Kekurangan kemahiran dalam menyahkod (decoding) tulisan tangan ini berisiko mengundang salah faham terhadap maksud asal pengarang. Oleh itu, pembacaan teks memerlukan *zauq* (kepekaan rasa bahasa) yang tinggi, khususnya dalam mengenal pasti istilah teknikal dan toponim klasik. Sebagai contoh, perkataan seperti *basuh* (باسه) atau *mati* (مات) boleh mengelirukan jika tidak ditelaah melalui kanta linguistik Islam klasik.

Ciri-ciri unik lain yang mencorak identiti manuskrip ini termasuklah ketiadaan tanda baris (*syaka'*) pada petikan ayat al-Quran, yang menuntut pembaca memiliki penguasaan tajwid yang mantap secara sedia ada. Selain itu, ketiadaan rujukan nama surah, nombor ayat, tanda bacaan moden (seperti koma dan noktah), serta nombor halaman menjadikan struktur sintaksisnya sukar untuk dicerakin

tanpa kemahiran analisis teks yang mendalam. Malah, gaya khat yang berubah-ubah mengikut keadaan penulis menambah lapisan kompleksiti dalam usaha penyuntingan atau penyalinan semula secara moden.

Namun, di sebalik kerumitan tersebut, pengarang menyertakan sebuah jadual *makhraj al-huruf* yang sangat berharga. Kehadiran elemen grafik ini membuktikan bahawa *Mir'at al-Qur'an* tidak hanya memfokuskan kepada aspek teoritikal hukum tajwid, malah menekankan dimensi praktikal sebutan huruf hijaiyyah. Kesimpulannya, manuskrip ini adalah sebuah warisan intelek yang melampaui status sebuah buku teks; ia merupakan manifestasi kehebatan tradisi keilmuan Islam yang menggabungkan aspek estetika, metodologi pengajaran yang sistematik, dan ketegasan dalam pemeliharaan wahyu.

4.1 INOVASI

Analisis Signifikan dan Prospek Pembangunan Manuskrip *Mir'at al-Qur'an*

Manuskrip ini telah mencapai pengiktirafan cemerlang di peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam International Book Competition (IBC) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kejayaan merangkul pingat emas serta sijil penghargaan dalam pertandingan tersebut menjadi bukti konklusif terhadap nilai ilmiah dan impak substantif dokumen ini terhadap kelestarian pengajian al-Quran. Pencapaian ini bukan sekadar lambang kecemerlangan, malah bertindak sebagai indikator bahawa manuskrip tersebut memiliki autoriti sejarah yang relevan untuk diangkat sebagai rujukan kontemporari yang berwibawa.

Bagi mengoptimumkan potensi warisan ini, usaha tahqiq (penyuntingan teks) dan transliterasi ke dalam tulisan Jawi serta Rumi amat krusial. Langkah strategik ini bakal meruntuhkan tembok halangan bahasa dan paleografi, seterusnya memperluas aksesibiliti serta pemahaman masyarakat merentas pelbagai lapisan latar belakang akademik.

Selari dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0, integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI) melalui cadangan penghasilan rakaman suara qari berasaskan hukum tajwid dalam teks ini merupakan satu anjakan paradigma yang inovatif. Sinergi antara khazanah keilmuan tradisional dengan kemajuan teknologi digital ini bukan sahaja memelihara keaslian hukum bacaan, malah memastikan metodologi

pengajaran al-Quran kekal dinamik dan kompetitif dalam mendepani cabaran zaman moden. Secara tuntasnya, naskhah ini merupakan aset intelek yang melambangkan keunggulan tamadun ilmu Islam yang perlu dipelihara secara holistik.



Gambar 2: Poster Inovasi Sijil Penghargaan Pingat Emas

5.0 LAPORAN KEJAYAAN INOVASI: KITAB MIR'AT AL-QUR'AN

Pameran inovasi yang berlangsung pada 24 Oktober 2024 di Dewan Canselori, USIM, telah menjadi saksi kepada pengiktirafan tinggi terhadap nilai ilmiah manuskrip tempatan. Bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang, pasukan kami yang diwakili oleh tiga orang ahli kumpulan di Blok 65 telah berjaya membentangkan keunikan kajian ini sehingga merangkul Pingat Emas dan sijil penghargaan.

Kejayaan ini membuktikan sumbangan besar manuskrip tersebut dalam memperkasakan bidang pengajian Islam. Justeru, kitab Mir'at al-Qur'an wajar diberi perhatian serius untuk melalui proses tahqiq dan diterbitkan semula secara meluas. Usaha pendokumentasian ini sangat krusial bagi menyediakan rujukan asas yang sahih dalam membandingkan keberkesanan kaedah pengajaran tradisional dengan pendekatan inovasi kontemporari. Pengiktirafan emas ini bukan

sekadar kemenangan kompetisi, malah merupakan langkah proaktif dalam memartabatkan khazanah ilmu warisan agar kekal relevan dan kompetitif mendepani arus zaman. Harapan kami, penerbitan manuskrip ini kelak akan memberi impak besar kepada dunia akademik dan masyarakat Islam sejagat.

5.1 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menegaskan bahawa Sheikh Abdul Mu'ti bin Sheikh Muhammad Saleh merupakan sosok ulama tajwid yang sangat signifikan dalam sejarah intelektual Islam di Alam Melayu. Karya agung beliau, *Mir'at al-Qur'an fi Tashil Marifah Ahkam al-Tajwid*, bukan sekadar sebuah naskhah lama, malah ia merupakan bukti autentik bahawa tradisi ilmu tajwid telah bertapak kukuh di rantau ini sejak abad ke-18 lagi. Manuskrip ini menzahirkan kecemerlangan masyarakat Melayu dalam menguasai disiplin ilmu al-Quran, sekali gus memperlihatkan kesinambungan usaha ulama tempatan dalam memartabatkan pendidikan Islam yang syumul.

Meskipun kitab ini kelihatan kecil dari aspek fizikal, kandungannya merangkumi hukum-hukum tajwid yang disusun secara sistematik dan menyeluruh. Keistimewaan utama naskhah ini terletak pada pendekatan praktikalnya yang mampu mempermudah pemahaman masyarakat awam, khususnya bagi mereka yang tidak menguasai bahasa Arab. Sebagai antara karya pelopor ilmu tajwid dalam bahasa Melayu, sumbangannya terhadap literasi al-Quran di Nusantara amatlah besar. Namun, kita tidak boleh menafikan bahawa gaya bahasa klasiknya menuntut kepakaran filologi dan linguistik yang mendalam untuk difahami sepenuhnya oleh generasi moden.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi satu keperluan mendesak agar usaha tahqiq (penyuntingan ilmiah) dan penerbitan semula kitab ini dilaksanakan dengan lebih agresif. Penulis mencadangkan agar teks warisan ini tidak hanya dibiarkan dalam bentuk fizikal, malah disuntik dengan elemen teknologi kontemporari. Integrasi dalam bentuk aplikasi digital, perisian interaktif, serta permodelan audio daripada qari berautoriti akan menjadikan naskhah ini lebih "hidup" dan relevan. Usaha ini bukan sahaja memperkayakan khazanah pendidikan al-Quran di Malaysia, bahkan mampu memperkenalkan kearifan tempatan kepada peringkat antarabangsa.

Kejayaan meraih Pingat Emas dalam pertandingan inovasi di USIM pada 24 Oktober 2024 yang lalu merupakan satu pengiktirafan besar terhadap nilai ilmiah manuskrip ini. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa khazanah tradisional mempunyai potensi besar untuk diangkat sebagai produk inovasi yang kompetitif. Kemenangan ini seharusnya menjadi pemangkin dan teladan bagi pengkaji lain untuk terus menggali khazanah silam. Melangkah ke hadapan, matlamat kami bukan sekadar berhenti di tahap pingat emas, malah kami bertekad untuk menyasarkan Anugerah Khas dalam platform yang lebih tinggi. Kami komited untuk mentransformasikan manuskrip Mir'at al-Qur'an daripada sekadar rujukan sejarah kepada sebuah "produk ilmu" yang maju dan boleh diakses oleh seluruh lapisan masyarakat. Dengan sinergi antara tradisi dan inovasi, diharapkan warisan ulama Nusantara ini akan terus kekal relevan, kompetitif, dan memberikan impak yang besar kepada dunia akademik serta kemajuan ummah zaman-berzaman.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada penyelidikan di bawah Geran USIM-Industri dengan kod rujukan: PPPI/USIM-INDUSTRI/FPQS/USIM/15724 yang telah memberi sokongan dan sumbangan penting dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Mukti bin Syeikh Muhammad Saleh, (1779), *Mir'at al-Qur'an fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Tajwid*,.

Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad al-Mawardi, t.t. *Al-Nukat wa al-'Uyun*, Taḥqīq: al-Sayyid bin 'Abd al-Maḥṣūd bin 'Abd al-Raḥīm, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah – Bayrūt, Lubnān.

Ahmad Fauzi, (2020), *Katalog Manuskrip Melayu: Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*, Kuala Lumpur: PNM Press.

Alauddin Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Baghdadi, 1979. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*, Dār al-Fikr – Bayrūt,.

al-Syeikh: Muḥammad bin 'Alī al-Ḥusaynī al-Syahīr bi al-Ḥaddād, t.t. *Al-Qawl al-Sadīd fi Bayān Ḥukm al-Tajwīd*.

Azra, A., (2004), *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia*, Hawaii: University of Hawaii Press,

Harun Mat Piah, (2000), *Kitab Tib: Amalan Perubatan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Ismail Che Daud, (2015), Pusat Pengajian Pondok di Alam Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..

Maḥmūd bin Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im bin ‘Abd al-Salām bin Muḥammad al-‘Abd, (2001). Al-Raudah al-Nadiyyah Syarḥ Matn al-Jazariyyah, al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, al-Qāhirah – Jumhūriyyah Miṣr al-‘Arabiyya.

Matheson, V. dan Hooker, V., (1988), Jawi Literature in the 19th Century, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A. Adi & Mohd Safee Salihin Hasan (2017). Tokoh-Tokoh Ulama Tajwid di Malaysia dan Sumbangan Mereka terhadap Pendidikan al-Quran”, dalam Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari.

Shaharuddin Saad, Zainora Daud, (2015), Syeikh ‘Abd Al-Mu’ti Bin Syeikh Muhammad Saleh Pengarang Kitab Tajwid Pertama Di Alam Melayu, 2nd International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2015).

Shaharuddin bin Saad,(2019), data - data penulisan kitab tajwid lama di Kelantan, Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019.

Shaiakhmetov et al., (2025) Aplikasi Deep Neural Network dalam Pengajian Quran, Jakarta.

Shamsuddin Sidek, (2018), Khazanah Manuskrip Tajwid Alam Melayu, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, (1990), Syeikh Abdus Samad al-Falimbani: Ulama Syahid dan Mujahid, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah,

Zahari et al., (2025), Pembangunan Instrumen Tajwid, Kuala Lumpur.

Mohd. Shaghir Abdullah, (2011). Ibnu Syeikh Abdul Mu’ti -- Penyusun Ilmu Tajwid pertama Bahasa Melayu, <https://kitab-kuneng.blogspot.com>.